

BERITA HARIAN

Agensi, swasta diminta beri maklumat tepat

Butterworth: Jabatan Perangkaan meminta kerjasama setiap agensi perkhidmatan awam dan swasta memberi maklumat yang tepat dan lengkap supaya statistik yang betul dan berkualiti dapat diperolehi.

Ketua Perangkawan, Dr Abdul Rahman Hasan, berkata pemberian maklumat yang tepat dan lengkap oleh agensi atau syarikat terbabit akan memudahkan kerajaan merangka Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) yang berkesan.

Beliau berkata, melalui perangkaan data yang dikutip, ditafsir dan disebarkan akan dikumpulkan menjadi input kepada pembentukan dasar dan perancangan pembangunan negara.

Mudahkan rangka dasar

“Maklumat dan data yang betul dan lengkap yang dibekalkan daripada setiap agensi kepada pihak jabatan ketika membuat kajian akan memudahkan pihak jabatan merangka dasar untuk dipraktikkan, sekaligus membantu kerajaan membangunkan ekonomi negara dengan baik dan lancar.

“Contohnya, transformasi di bawah ETP kini dilihat mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila setiap agensi memberikan maklumat yang bertepatan dengan masa,” katanya ketika memberi ucapan perasmian Seminar Transformasi Ekonomi Negara: Kepentingan Statistik Perkhidmatan di sini, semalam.